

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 5

(a) Apakah maksud hasil perniagaan?

Maksud hasil perniagaan:
Hasil perniagaan adalah pendapatan perniagaan yang terperoleh dalam satu tempoh perakaunan. Hasil dapat terperoleh daripada operasi perniagaan ataupun bukan operasi perniagaan.

(b) Nanakan dua kelas hasil serta terangkan kelas hasil tersebut.

Kelas Hasil	Penerangan
1. Hasil operasi	Hasil operasi adalah pendapatan yang terperoleh daripada aktiviti utama atau harian perniagaan dan ini bergantung kepada jenis perniagaan
2. Hasil bukan operasi	Hasil bukan operasi adalah pendapatan yang terperoleh daripada aktiviti yang berkaitan secara tidak langsung dengan aktiviti utama perniagaan.

(c) Kelaskan hasil-hasil berikut kepada kelas hasil yang anda telah nyatakan di (b) di atas.

Jenis hasil	Kelas hasil
1. Jualan	Hasil operasi
2. Faedah diterima	Hasil bukan operasi
3. Dividen pelaburan	Hasil bukan operasi
4. Laba dari jualan aset bukan semasa	Hasil bukan operasi

(d) Beri dua contoh hasil yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti utama sebuah klinik perubatan.

Contoh hasil
1. Yuran rawatan doktor
2. Jualan ubat-ubatan

(e) Beri dua contoh hasil yang tidak berkait langsung dengan aktiviti utama sebuah perniagaan runcit.

Contoh hasil
1. Sewa diterima
2. Faedah diterima